

ASNBN

Laporan Setengah Tahunan

Bagi tempoh kewangan berakhir
31 Disember 2024



ASN Sukuk





NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BAGI ASN SUKUK BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2024

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 (Prospektus) dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 (PTP) telah dikemas kini melalui Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 (PTKD). Kemas kini yang dilakukan di dalam PTKD adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Forward Price Funds*", "*Historical Price Funds*", "*Maybank 12 months Islamic FD-i*" dan "*Shariah Adviser*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Kemas kini maklumat berkenaan "*Pengurus*", "*Pemegang Amanah*", "*Wakil Pemegang Amanah*" dan "*Penasihat Syariah*" di bawah "*Direktori Korporat*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Polisi Pengagihan*" dan "*Penanda Aras Tabung*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Polisi Pengagihan*" di bawah "*Butir-butir Transaksi*";
- 5) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini di bawah "*Informasi Tambahan*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Latar Belakang Pengurus - ASNB*" di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 7) Maklumat mengenai pelantikan baharu berkenaan "*Ahli Lembaga Pengarah - ASNB*" iaitu Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Pengerusi ASNB, Dato' Abdul Rahman bin Ahmad sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Encik Faisal Ariff bin Rozali Wathooth dan Encik Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa sebagai Ahli-Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 8) Kemas kini berkenaan "*Ahli Penasihat Syariah - ASN Sukuk*" di bawah "*Fungsi Jawatankuasa Penasihat Syariah Dana*";
- 9) Kemas kini latar belakang pemegang amanah dan wakil pemegang amanah di bawah "*Pemegang Amanah*";
- 10) Penambahan maklumat berkenaan dengan "*Pengecualian Cukai*" di bawah "*Percukaian Tabung*";
- 11) Kemas kini alamat cawangan-cawangan ASNB di bawah "*Direktori*"; dan
- 12) Penambahan ejen baru di bawah "*Senarai Ejen*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PTKD ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@asnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	2
3. LAPORAN PENGURUS	6
4. PENYATA PENGURUS	9
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	10
6. LAPORAN PENASIHAT SYARIAH	11
7. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN SUKUK	12
8. PENYATA KEWANGAN	15
8.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	15
8.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	16
8.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2024	17
8.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	18
8.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	19
8.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 31 Disember 2024	20
9. ALAMAT CAWANGAN ASNB	49
10. MAKLUMAT KORPORAT	51

LAPORAN PENGURUS
ASN SUKUK



Pemegang-pemegang unit ASN Sukuk yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Sukuk dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Sukuk bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2024.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Sukuk	Sukuk	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Sukuk adalah untuk memberikan peluang pendapatan yang stabil dan pertumbuhan modal kepada pelabur melalui pelaburan dalam portfolio sukuk dan aset cair Islamik.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

30 Jun.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Sukuk menggunakan penanda aras Kadar Deposit-i Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Sukuk akan mengagihkan perolehan yang dibuat pada setiap suku tahun, jika ada.

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Sukuk mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 31.12.2024 (%)	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun (%)	
		2024	2023
Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Sekuriti Berpendapatan Tetap	94.18	98.28	91.56
b) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	5.82	1.72	8.44
Jumlah	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.12.2024	Tahun Kewangan Berakhir 30.06.2024	Tempoh Kewangan dari Tarikh Pelancaran 25.11.2022 sehingga 30.06.2023
Sebelum Pengagihan Pendapatan			
NAB (RM'000)	837,523	955,195	735,010
NAB Seunit (RM)	1.0401	1.0508	1.0384
Selepas Pengagihan Pendapatan			
NAB (RM'000)	828,130	935,433	721,704
NAB Seunit (RM)	1.0283	1.0291	1.0196
NAB Seunit Terendah (RM)	1.0277	1.0124	1.0001
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0429	1.0573	1.0391
Unit Dalam Edaran ('000)	805,300	909,000	707,800
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.24	0.63	0.49
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.20	0.70	0.81
Pulangan			
Pulangan Pendapatan (%) ³	1.93	3.76	1.84
Pulangan Modal (%) ⁴	-0.08	0.93	1.96
Jumlah Pulangan (%) ⁵	1.85	4.72	3.84

Nota:

1. *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)* adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Sukuk yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Sukuk untuk tempoh kewangan dikira berbandukan asas harian.
2. *Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP)* adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Sukuk untuk tempoh kewangan dikira berbandukan asas harian.
3. *Pulangan Pendapatan (%)*: $\left[\frac{\text{Penggajian Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Penggajian Pendapatan}} \right] \times 100$
4. *Pulangan Modal (%)*: $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Penggajian Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. *Jumlah Pulangan (%)*: $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun				
	2025		2024		2023
Tarikh Penggajian Pendapatan	1 Jan 2025	1 Okt 2024	1 Jul 2024	1 Apr 2024	1 Jul 2023
Kadar Penggajian Pendapatan (sen seunit)	1.18	0.80	2.17	1.68	1.88
Jumlah Penggajian	9,392,800	6,664,800	19,762,190	15,516,480	13,306,640

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Sukuk adalah seperti berikut:

	31 Disember 2024	
	1 tahun	Sejak Penubuhannya ¹
Pulangan Tahunan (%)	4.24	4.99
Penanda Aras (%) ²	4.10	5.71

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula dari 25 November 2022 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2024. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$
 Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.
2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 September 2024, penanda aras Tabung ialah Kadar Deposit-i Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 September 2024, penanda aras Tabung ialah 90% Indeks Refinitiv-Bond Pricing Agency Malaysia (RF BPAM) Sukuk dan 10% Kadar Deposit-i Tetap Maybank 1 bulan.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN Sukuk berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.12.2024	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	
		2024	2023 ¹
Jumlah Pulangan (%)	1.85	4.72	3.84
Penanda Aras (%) ²	1.91	4.61	5.42

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula dari 25 November 2022 (tarikh dilancarkan) sehingga 30 Jun 2023.
2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 September 2024, penanda aras Tabung ialah Kadar Deposit-i Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 September 2024, penanda aras Tabung ialah 90% Indeks Refinitiv-Bond Pricing Agency Malaysia (RF BPAM) Sukuk dan 10% Kadar Deposit-i Tetap Maybank 1 bulan.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Sukuk telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 11.44% daripada RM0.935 bilion kepada RM0.828 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024. NAB seunit pula mencatatkan penurunan sebanyak 0.08% daripada RM1.0291 kepada RM1.0283 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Sukuk tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Sukuk. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Sukuk ("Tabung") adalah untuk melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai yang patuh Syariah, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TEMPOH KEWANGAN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan perumpukan aset yang lebih tinggi dalam sekuriti berpendapatan tetap berbanding tunai pada julat 95%-98% sekuriti berpendapatan tetap : 2%-5% tunai. Perumpukan aset ini dilaksanakan bagi memastikan Tabung menjana jumlah pulangan yang kompetitif. Tabung telah berusaha mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Pelaburan Tabung dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada sukuk korporat yang menjana kupon yang lebih kompetitif dalam usaha untuk memberikan pendapatan yang berdaya saing kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Perbankan, sektor Hartanah dan sektor Perladangan yang mempunyai tempoh matang antara tiga (3) tahun sehingga lima belas (15) tahun. Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, selaras dengan risiko kredit terbitan dan masih menawarkan kredit terbitan yang tinggi. Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.70% dengan purata tempoh matang portfolio selama 6.38 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Pada masa yang sama, Pengurus Pelaburan turut melakukan pelaburan secara taktikal di dalam sekuriti hutang kerajaan Malaysia yang patuh Syariah seperti Government Investment Issues ("GII") dan sukuk badan kuasi-kerajaan. Strategi pelaburan dalam sekuriti kerajaan ini adalah lebih kepada penjanaan keuntungan daripada aktiviti jual beli kerana sukuk terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat kenaikan harga, ekoran penurunan kadar faedah oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") dan bank-bank pusat lain yang mengubah aliran dana pelaburan daripada pasaran maju ke pasaran negara membangun.

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Indonesia, sukuk kerajaan Arab Saudi dan sukuk korporat Malaysia dalam mata wang US Dolar ("USD") bertujuan membina portfolio teras yang mampu memberikan kadar hasil lebih tinggi berbanding dengan kadar hasil sekuriti kerajaan bon tempatan.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran mata wang bagi memastikan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran sekuriti berpendapatan tetap tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI, PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang baik terhadap ketidaktentuan ekonomi global dengan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") yang mencatatkan peningkatan sebanyak 5.3% pada suku ketiga tahun 2024, berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Federal Reserve Board dan Bank Pusat England ("Bank of England") telah menurunkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak 100 mata asas dan 50 mata asas kepada 4.50% dan 4.75%. Di samping itu, Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") juga telah menurunkan kadar operasi pembiayaan semula sebanyak 110 mata asas kepada 3.15% berbanding 4.25% yang dicatatkan pada awal tahun kewangan.

Kadar hasil bon 10-tahun Amerika Syarikat telah menurun sebanyak 84 mata asas daripada 4.46% pada awal tahun kewangan kepada 3.62% pada pertengahan bulan September 2024, sebelum meningkat semula kira-kira 95 mata asas kepada 4.57% pada hujung bulan Disember 2024. Hal ini didorong oleh kedudukan ekonomi Amerika Syarikat yang lebih kukuh berbanding jangkaan pasaran, kecenderungan Federal Reserve Board untuk mengurangkan kadar potongan faedah dan jangkaan peningkatan aktiviti ekonomi dibawah kepimpinan Donald Trump.

Walaupun ketidakstabilan ekonomi global berlanjutan, Bank Negara Malaysia ("BNM") telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") pada aras 3.00% berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan. Namun pada masa yang sama, kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan telah diturunkan sebanyak 10 mata asas dalam bulan September 2024 daripada 2.60% kepada 2.50%.

Pasaran sekuriti berpendapatan tetap di Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik dengan catatan pulangan 2.27% berbanding pasaran negara maju pada 1.98%. Penanda aras kadar hasil sekuriti hutang kerajaan Malaysia ("Malaysian Government Securities, MGS") 10-tahun telah menurun sebanyak 6 mata asas daripada 3.87% kepada 3.81%, manakala penanda aras Indeks FTSE BPAM Ringgit pula mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 2.19%. Selain itu, penawaran terbitan sekuriti berpendapatan tetap seperti MGS dan GII adalah sebanyak RM80.5 bilion berbanding RM89.5 bilion pada enam bulan pada tahun sebelumnya, manakala RM55.0 bilion sukuk korporat juga telah diterbitkan berbanding RM53.0 bilion pada enam bulan pada tahun sebelumnya.

Dari segi pasaran mata wang setakat 31 Disember 2024, nilai Ringgit Malaysia telah ditutup pada paras RM4.4722 berbanding USD. Ini merupakan pengukuhan Ringgit Malaysia yang ketara daripada paras RM4.7175/USD yang dicatatkan pada awal tahun kewangan. Tempoh yang sama juga telah menyaksikan pengukuhan harian Ringgit Malaysia secara berturut-turut dalam tempoh yang paling lama diperhatikan sejak tahun 2010 yang berlangsung selama sembilan hari, bermula dari 12 September 2024 pada aras RM4.3350/USD dan berakhir pada 30 September 2024 pada aras RM4.1235/USD.

3.4 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti berpendapatan tetap bagi melindungi dan menyokong kadar pulangan Tabung. Bagi pasaran domestik, pelaburan akan tertumpu kepada sukuk korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras dan bersifat defensif. Pelaburan dalam sukuk korporat akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kadar hasil yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Pegangan akan tertumpu pada sekuriti korporat dengan purata penarafan "AA2" dan tempoh matang portfolio antara lima (5) sehingga sepuluh (10) tahun. Syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil akan dipilih untuk memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Tabung juga akan mempelbagaikan pelaburan dalam sukuk korporat menerusi kepelbagaian sektor. Pengurus Pelaburan akan mengurangkan pegangan dalam sekuriti hutang kerajaan Malaysia yang patuh Syariah seperti

GII dan sukuk badan kuasi-kerajaan bagi meningkatkan pegangan tunai seterusnya meningkatkan tahap kecairan Tabung dan menambah pegangan sukuk antarabangsa bagi meningkatkan purata kadar hasil Tabung.

Pelaburan di pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa akan menumpukan usaha membina portfolio teras yang mampu memberikan kadar hasil lebih tinggi bagi menambahkan lagi pulangan kepada para pelabur. Oleh itu, Pengurus Pelaburan akan mencari peluang menambah sukuk dalam pasaran sekuriti negara membangun seperti Indonesia dan negara-negara di Timur Tengah yang mempunyai penarafan antarabangsa yang stabil dan kadar hasil yang lebih tinggi daripada bon tempatan. Pegangan akan tertumpu pada sekuriti korporat antarabangsa dengan purata penarafan antarabangsa "A1" dan tempoh matang portfolio antara lima (5) sehingga sepuluh (10) tahun. Pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi.

Pengurus Pelaburan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta melakukan pelarasan strategi dalam usaha untuk menjana kadar hasil yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama mencapai objektif Tabung.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN SUKUK

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN SUKUK ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134: Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2024, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 13 Februari 2025.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Februari 2025

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN SUKUK** (“Tabung”)

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025

6. LAPORAN PENASIHAT SYARIAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN SUKUK** ("Tabung")

Kami dengan ini mengesahkan bahawa:

1. Sepanjang pengetahuan kami, setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah mengendalikan dan mengurus Tabung dalam tempoh yang dirangkumi dalam penyata kewangan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024 menurut prinsip-prinsip dan keperluan Syariah dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan, peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkaitan dengan hal-hal Syariah.
2. Aset Tabung terdiri daripada instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah.

Untuk **Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi tabung unit amanah patuh Syariah Amanah Saham Nasional Berhad**

DATUK PROF. DR. MOHAMAD AKRAM BIN LALDIN

Pengerusi

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025

7. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN SUKUK

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN SUKUK ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 15 sehingga 48.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan setengah tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan Unit Amanah yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Unit Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Unit Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Unit Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan adil.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan pendapat kami keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad
Nor**

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

13 Februari 2025

8. PENYATA KEWANGAN

8.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2024 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		19,511,199	18,813,919
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		1,391,786	579,063
(Kerugian)/keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan(FVTPL)		(2,786,960)	5,974,293
(Kerugian)/keuntungan bersih daripada liabiliti derivatif	9	491,326	22,466
(Kerugian)/keuntungan bersih kadar tukaran asing		(193,778)	18,834
		<u>18,413,573</u>	<u>25,408,575</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	1,760,585	3,377,340
Yuran pemegang amanah	5	219,326	225,156
Imbuan juruaudit		7,500	20,600
Perbelanjaan pentadbiran		77,165	36,443
		<u>2,064,576</u>	<u>3,659,539</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI	6	16,348,997	21,749,036
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>16,348,997</u>	<u>21,749,036</u>
Jumlah pengagihan pendapatan pada:			
- 1 Oktober 2024		<u>6,664,800</u>	-
- 27 Disember 2024		<u>9,392,800</u>	-
Pengagihan kasar dan bersih seunit pada:			
- 1 Oktober 2024		<u>0.80 sen</u>	-
- 27 Disember 2024		<u>1.18 sen</u>	-

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**8.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2024 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM
Tarikh Pengagihan:		
- interim suku pertama	1 Oktober 2024	-
- interim suku kedua	27 Disember 2024	-
 Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:		
Ternyata	19,229,831	15,694,058
Tidak ternyata	(2,880,834)	6,054,978
	<u>16,348,997</u>	<u>21,749,036</u>
 PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	 16,348,997	 21,749,036
 Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
 JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	 <u>16,348,997</u>	 <u>21,749,036</u>
 Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	19,229,831	15,694,058
Tidak ternyata	(2,880,834)	6,054,978
	<u>16,348,997</u>	<u>21,749,036</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

8.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	31.12.2024 RM	30.6.2024 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FTVPL)	8	779,902,640	919,398,986
Deposit dengan institusi kewangan	10	32,034,353	37,612,190
Pendapatan belum diterima	11	9,620,794	11,227,457
Jumlah terhutang daripada PNB	12	12,555,110	3,885,000
Tunai di bank		6,522,067	224,389
JUMLAH ASET		840,634,964	972,348,022
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	19,762,190
Liabiliti derivatif (FVTPL)	9	265,166	171,291
Jumlah terhutang kepada pengurus		281,362	318,762
Pelbagai pemiutang		86,928	113,029
Jumlah terhutang kepada PNB	12	11,871,420	16,549,220
JUMLAH LIABILITI		12,504,876	36,914,492
NILAI ASET BERSIH		828,130,088	935,433,530
EKUITI			
Modal pemegang unit	13	810,963,141	918,602,588
Rizab-rizab lain		17,166,947	16,830,942
JUMLAH EKUITI		828,130,088	935,433,530
UNIT DALAM EDARAN	13	805,300,000	909,000,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		1.0283	1.0291

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**8.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Modal	Rizab-rizab		Jumlah Ekuiti RM
	Pemegang Unit RM	Ternyata RM	Tak ternyata RM	
Pada 1 Julai 2023	714,600,897	79,514	7,023,140	721,703,551
Perjadian unit untuk jualan	277,716,746	-	-	277,716,746
Perjadian unit untuk pengagihan (30 Jun 2023)	12,539,050	-	-	12,539,050
Pembatalan unit	(66,824,988)	-	-	(66,824,988)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	974,862	-	-	974,862
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	15,694,058	6,054,978	21,749,036
Pada 31 Disember 2023	939,006,567	15,773,572	13,078,118	967,858,257
Pada 1 Julai 2024	918,602,588	1,136,827	15,694,115	935,433,530
Perjadian unit untuk jualan	50,959,409	-	-	50,959,409
Perjadian unit untuk pengagihan (30 Jun 2024)	19,757,659	-	-	19,757,659
Pembatalan unit	(178,368,605)	-	-	(178,368,605)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	56,698	-	-	56,698
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	19,229,831	(2,880,834)	16,348,997
Pengagihan pendapatan	(44,608)	(16,012,992)	-	(16,057,600)
Pada 31 Disember 2024	810,963,141	4,353,666	12,813,281	828,130,088

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**8.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2024 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	243,047,700	248,004,050
Pembelian pelaburan	(105,690,184)	(526,317,549)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	22,446,719	20,721,316
Yuran pengurusan dibayar	(1,797,985)	(3,192,280)
Yuran pemegang amanah dibayar	(224,748)	(212,818)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(105,344)	(61,883)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>157,676,158</u>	<u>(261,059,164)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	62,445,631	296,224,550
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(192,781,181)	(55,896,970)
Pengagihan kepada pemegang unit	(26,426,990)	(13,306,640)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>(156,762,540)</u>	<u>227,020,940</u>
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	913,618	(34,038,224)
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(193,777)	18,834
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	<u>37,836,579</u>	<u>60,844,640</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>38,556,420</u>	<u>26,825,250</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	6,522,067	582,815
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 10)	32,034,353	26,242,435
Tunai dan persamaan tunai	<u>38,556,420</u>	<u>26,825,250</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

8.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2024

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN SUKUK ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 1 September 2022, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 25 November 2022 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 1 November 2022.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 13 Februari 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, telah disediakan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standard 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2024 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh jualbeli. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan keuntungan semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- hanya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- hanya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos

dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: "Revenue from contract with customers", dan dinyatakan berasingan dalam untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elau kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);
- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.
Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara;
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan;
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang pada awalnya dikenalpasti pada nilai saksama termasuk kos transaksi secara langsung dan seterusnya dinilai pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusan niaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf didalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf didalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebutharga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan anggaran perakaunan yang material

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walaubagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024 ialah 0.40% (31 Disember 2023: 0.75%) setahun daripada nilai aset bersih Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausula 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak 0.05% setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024 ialah RM219,326 (31 Disember 2023: RM225,156).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2027 kecuali pendapatan dividen dan pendapatan yang diterima dari luar negara.

7. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	31.12.2024	30.6.2024
	RM	RM
Peruntukan bagi tempoh/tahun semasa	-	19,762,190

Tiada peruntukan pengagihan bagi tempoh semasa kerana tarikh ex-dividen telah diisytiharkan pada 27 Disember 2024 dan pelaburan semula telah dilaksanakan pada 30 Disember 2024.

Sumber pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	31.12.2024		30.6.2024	
	RM	%	RM	%
Rizab pengagihan pendapatan	44,608		654,368	
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	18,271,346		39,549,446	
(Kerugian)/Keuntungan ternyata kadar tukaran asing	(193,778)		9,419	
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan - FVTPL	-		986,887	
	18,122,176		41,200,120	
Tolak: Perbelanjaan	(2,064,576)		(5,921,450)	
Pengagihan dari pendapatan tahun semasa	16,057,600	100	35,278,670	100
Jumlah pengagihan	16,057,600	100	35,278,670	100
Jumlah pengagihan pendapatan pada 27 Disember 2024	9,392,800		-	
Pengagihan kasar dan bersih seunit	1.18 sen		-	
Jumlah pengagihan pendapatan pada 1 Oktober 2024	6,664,800		-	
Pengagihan kasar dan bersih seunit	0.80 sen		-	
Jumlah pengagihan pendapatan pada 30 Jun 2024	-		19,762,190	
Pengagihan kasar dan bersih seunit	-		1.68 sen	
Jumlah pengagihan pendapatan pada 31 Mac 2024	-		15,516,480	
Pengagihan kasar dan bersih seunit	-		2.17 sen	

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	Nota	31.12.2024 RM	30.6.2024 RM
Pada kos:			
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga		767,000,293	903,709,679
Pada nilai saksama:			
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga		779,902,640	919,398,986

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

		31.12.2024 RM	30.6.2024 RM
Pada kos:			
Nota Islam jangka sederhana	(i)	649,708,114	710,720,730
Terbitan Pelaburan Kerajaan	(ii)	71,853,059	174,102,741
Sukuk Kerajaan Luar Negara	(iii)	15,262,040	6,541,375
Bon Kerajaan Luar Negara	(iv)	16,973,517	12,344,833
Bon Korporat Luar Negara	(v)	13,203,563	-
		<u>767,000,293</u>	<u>903,709,679</u>

Pada kos:			
Nota Islam jangka sederhana	(i)	663,282,963	726,586,190
Terbitan Pelaburan Kerajaan	(ii)	71,875,000	173,813,200
Sukuk Kerajaan Luar Negara	(iii)	15,129,453	6,631,655
Bon Kerajaan Luar Negara	(iv)	16,277,692	12,367,941
Bon Korporat Luar Negara	(v)	13,337,532	-
		<u>779,902,640</u>	<u>919,398,986</u>

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana				
4.13% Bank Islam Malaysia Berhad 15.7.2031	3,000,000	3,000,000	3,012,240	0.36
4.13% BGSM Management Sdn. Bhd. 3.12.2027	5,000,000	4,952,271	5,034,150	0.61
4.40% CIMB Group Holdings Berhad 8.9.2027	5,000,000	4,947,710	5,057,250	0.61
4.95% CIMB Group Holdings Berhad 2.12.2027	10,000,000	10,020,686	10,270,800	1.24
4.40% CIMB Group Holdings Berhad 8.9.2032	5,000,000	5,035,887	5,057,250	0.61
4.36% CIMB Group Holdings Berhad 21.10.2033	5,000,000	5,000,000	5,065,700	0.61
4.17% DanalInfra Nasional Berhad 8.2.2028	10,000,000	10,069,811	10,142,200	1.22
4.58% DanalInfra Nasional Berhad 20.10.2032	10,000,000	10,350,443	10,446,000	1.26

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.23% DanaInfra Nasional Berhad 23.11.2035	5,000,000	5,038,458	5,118,750	0.62
4.76% DanaInfra Nasional Berhad 2.5.2036	5,000,000	5,295,642	5,358,850	0.65
4.85% DanaInfra Nasional Berhad 3.5.2041	10,000,000	10,658,097	10,953,700	1.32
5.07% DanaInfra Nasional Berhad 20.10.2042	10,000,000	10,684,264	11,232,500	1.36
5.22% DanaInfra Nasional Berhad 14.11.2042	10,000,000	11,044,910	11,422,000	1.38
5.29% DanaInfra Nasional Berhad 22.7.2044	5,000,000	5,575,326	5,772,000	0.70
5.02% Danga Capital Berhad 21.9.2033	5,000,000	5,253,862	5,381,500	0.65
3.42% Danum Capital Berhad 21.9.2033	5,000,000	4,600,171	4,759,350	0.57
4.54% Edotco Malaysia Sdn. Bhd. 9.9.2032	10,000,000	10,012,243	10,365,800	1.25

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.60% Exsim Capital Resources Berhad 11.12.2026	10,000,000	10,017,433	10,082,200	1.22
5.60% Exsim Capital Resources Berhad 28.5.2027	6,250,000	6,265,661	6,305,063	0.76
5.05% Fortune Premiere Sdn. Bhd. 5.9.2025	5,000,000	5,019,179	5,041,350	0.61
5.42% Golden Assets International Finance Limited 8.4.2027	5,000,000	5,119,075	5,141,450	0.62
4.63% Imtiaz Sukuk II Berhad 7.11.2025	10,000,000	10,021,611	10,074,400	1.22
4.38% Imtiaz Sukuk II Berhad 12.5.2027	10,000,000	10,058,324	10,126,000	1.22
4.15% Imtiaz Sukuk II Berhad 2.10.2028	10,000,000	10,000,000	10,097,400	1.22
5.68% Jimah East Power Sdn. Bhd. 12.4.2028	10,000,000	10,328,843	10,549,100	1.27

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.68% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.12.2028	5,000,000	5,216,661	5,274,550	0.64
5.74% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.6.2029	5,000,000	5,306,770	5,311,050	0.64
5.77% Jimah East Power Sdn. Bhd. 4.12.2029	5,000,000	5,269,700	5,341,850	0.65
6.28% Jimah East Power Sdn. Bhd. 3.12.2032	5,000,000	5,588,566	5,632,500	0.68
5.10% Johor Port Berhad 4.10.2027	5,000,000	5,108,012	5,157,800	0.62
4.04% Johor Plantations Group Berhad 26.9.2034	5,000,000	5,000,000	5,004,150	0.60
3.95% Kuala Lumpur Kepong Berhad 27.9.2034	5,000,000	4,771,171	4,946,000	0.60
5.34% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2028	5,000,000	5,050,718	5,087,000	0.61

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.64% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 22.8.2031	5,000,000	5,103,884	5,192,800	0.63
5.86% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2033	8,000,000	8,533,099	8,468,080	1.02
5.95% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2034	8,000,000	8,346,315	8,546,080	1.03
6.04% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2035	6,000,000	6,509,750	6,470,520	0.78
6.23% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 21.8.2037	10,000,000	11,024,081	10,984,300	1.33
6.33% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2038	10,000,000	10,666,739	11,086,000	1.34
6.43% Lebuhraya DUKE Fasa 3 Fasa 3 Sdn. Bhd. 23.8.2039	10,000,000	10,734,187	11,190,900	1.35
4.90% Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 5.4.2033	5,000,000	5,324,749	5,342,100	0.65

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.02% Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. 19.8.2039	1,400,000	1,400,000	1,389,080	0.17
3.93% Petroleum Sarawak Exploration & Production Sdn. Bhd. 24.5.2029	10,000,000	10,000,000	9,990,100	1.21
4.65% Petroleum Sarawak Exploration & Production Sdn. Bhd. 22.2.2033	10,000,000	10,032,565	10,428,800	1.26
4.64% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 27.12.2029	5,000,000	4,956,843	4,974,250	0.60
4.68% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 27.12.2030	5,000,000	4,939,304	4,949,600	0.60
4.72% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 27.12.2032	15,000,000	15,000,000	14,886,750	1.80
4.58% Point Zone (M) Sdn. Bhd. 7.3.2029	5,000,000	5,092,602	5,119,800	0.62

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.69% Point Zone (M) Sdn. Bhd. 13.3.2030	5,000,000	5,000,000	5,159,900	0.62
4.86% Point Zone (M) Sdn. Bhd. 11.3.2033	10,000,000	10,162,657	10,531,500	1.27
4.20% Prasarana Malaysia Berhad 12.9.2031	5,000,000	5,084,294	5,096,550	0.62
4.28% Prasarana Malaysia Berhad 30.1.2036	5,000,000	5,075,802	5,141,250	0.62
4.20% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 16.10.2026	5,000,000	5,010,717	5,028,150	0.61
4.45% Press Metal Aluminium Holdings Berhad 18.9.2030	10,000,000	10,048,988	10,191,800	1.23
5.00% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 11.1.2030	5,000,000	5,137,932	5,236,500	0.63
5.15% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.1.2032	5,000,000	5,279,260	5,352,450	0.65

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.729% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.1.2033	10,000,000	10,348,112	10,493,000	1.27
4.773% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.1.2034	10,000,000	10,099,461	10,572,500	1.28
5.63% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 11.1.2036	10,000,000	10,624,512	11,420,000	1.38
4.954% Projek Lebuhraya Usahasama Berhad 12.1.2037	10,000,000	10,317,048	10,869,200	1.31
6.48% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	25,000,000	25,540,716	25,767,750	3.11
6.63% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 26.11.2027	10,000,000	10,231,056	10,346,900	1.25

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
4.50% Public Islamic Bank Berhad 17.12.2027	10,000,000	10,000,000	10,200,800	1.23
4.38% RHB Bank Berhad 17.11.2028	15,000,000	15,000,000	15,279,150	1.85
5.20% RP Hydro (Kelantan) Sdn. Bhd. 14.1.2030	5,000,000	5,000,000	5,107,350	0.62
5.62% RP Hydro (Kelantan) Sdn. Bhd. 12.1.2035	5,000,000	5,000,000	5,221,950	0.63
5.95% RP Hydro (Kelantan) Sdn. Bhd. 14.7.2038	10,000,000	10,000,000	10,557,400	1.27
6.07% RP Hydro (Kelantan) Sdn. Bhd. 12.7.2041	5,000,000	5,000,000	5,264,350	0.64
5.04% Sarawak Energy Berhad 25.4.2031	10,000,000	10,423,212	10,623,700	1.28
4.27% Sarawak Energy Berhad Berhad 4.7.2033	10,000,000	10,000,000	10,234,300	0.17

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.01% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2028	5,000,000	5,095,530	5,185,250	0.63
5.05% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2029	5,000,000	5,111,646	5,235,200	0.63
5.11% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2032	5,000,000	5,142,735	5,360,750	0.65
5.50% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.7.2037	5,000,000	5,498,695	5,695,600	0.69
5.65% SD Guthrie Berhad 24.3.2026	10,000,000	10,123,662	10,188,200	1.23
4.28% Sime Darby Property Berhad 21.8.2030	2,000,000	2,000,000	2,026,300	0.24
4.75% Solarpack Suria Sungai Petani Sdn. Bhd. 6.4.2028	5,000,000	5,014,344	5,097,750	0.62
4.88% Southern Power Generation Sdn. Bhd. 30.4.2025	10,000,000	10,018,873	10,039,100	1.21

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(i) Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
5.18% Tenaga Nasional Berhad 3.8.2037	10,000,000	10,294,965	11,114,500	1.34
4.58% TNB Power Generation Sdn. Bhd. 29.3.2033	10,000,000	10,000,000	10,428,900	1.26
4.67% TNB Power Generation Sdn. Bhd. 29.3.2038	5,000,000	5,000,000	5,336,700	0.64
4.84% TNB Power Generation Sdn. Bhd. 27.3.2043	10,000,000	10,373,134	10,971,600	1.32
6.25% Tropicana Corporation Berhad 13.11.2028	15,000,000	15,000,000	15,011,250	1.81
4.84% UEM Sunrise Berhad 14.2.2034	5,000,000	5,305,140	5,254,350	0.64
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	634,650,000	649,708,114	663,282,963	80.09

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(ii) Terbitan Pelaburan Kerajaan				
4.582% Government of Malaysia 30.8.2033	10,000,000	10,584,750	10,553,000	1.28
4.119% Government of Malaysia 30.11.2034	20,000,000	20,646,818	20,466,000	2.47
4.291% Government of Malaysia 14.8.2043	20,000,000	20,513,586	20,540,000	2.48
4.28% Government of Malaysia 23.3.2054	20,000,000	20,107,905	20,316,000	2.45
Jumlah Terbitan Pelaburan Kerajaan	70,000,000	71,853,059	71,875,000	8.68
(iii) Sukuk Kerajaan Luar Negara				
Arab Saudi				
4.27% KSA Sukuk Ltd. 22.5.2029	1,950,000	8,651,778	8,483,954	1.03
5.25% KSA Sukuk Ltd. 4.6.2034	1,500,000	6,610,262	6,645,499	0.80
Jumlah Sukuk Kerajaan Luar Negara	3,450,000	15,262,040	15,129,453	1.83

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.12.2024 %
(iv) Bon Kerajaan Luar Negara				
Indonesia				
6.10% SBSN Indonesia 15.2.2037	41,000,000,000	11,088,942	10,649,185	1.29
5.875% SBSN Indonesia 15.7.2028	21,000,000,000	5,884,575	5,628,507	0.68
Jumlah Bon Kerajaan Luar Negara	62,000,000,000	16,973,517	16,277,692	1.97
Malaysia				
3.244% TNB Global Ventures Capital Berhad 19.10.2026	1,250,000	5,311,984	5,417,879	0.65
4.851% TNB Global Ventures Capital Berhad 1.11.2028	500,000	2,186,997	2,214,937	0.27
2.163% Axiata SPV2 Berhad 19.10.2026	1,500,000	5,704,582	5,704,716	0.69
Jumlah Bon Korporat Luar Negara	3,250,000	13,203,563	13,337,532	1.61
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	62,711,350,000	767,000,293	779,902,640	94.18

9. DERIVATIF (FVTPL)

Aset derivatif pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	Tarikh matang	Amaun Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset/(Liabiliti) RM
31.12.2024				
Kontrak belian hadapan				
Beli MYR 2,131,100				
Jual USD 500,000	15.4.2025	2,131,100	2,229,269	(98,169)
Beli MYR 2,308,950				
Jual USD 500,000	16.6.2025	2,308,950	2,226,066	82,884
Beli MYR 2,157,300				
Jual USD 500,000	27.8.2025	2,157,300	2,223,601	(66,301)
Beli MYR 2,195,100				
Jual USD 500,000	29.8.2025	2,195,100	2,223,334	(28,234)
Beli MYR 3,189,900				
Jual USD 750,000	17.10.2025	3,189,900	3,332,569	(142,669)
Beli MYR 1,063,300				
Jual USD 250,000	17.10.2025	1,063,300	1,110,856	(47,556)
Beli MYR 1,148,175				
Jual USD 250,000	05.06.2025	1,148,175	1,113,296	34,879
		<u>14,193,825</u>	<u>14,458,991</u>	<u>(265,166)</u>
30.6.2024				
Kontrak belian hadapan				
Beli MYR 2,290,850				
Jual USD 500,000	15.7.2024	2,290,850	2,355,353	(64,503)
Beli MYR 2,364,950				
Jual USD 500,000	27.8.2024	2,364,950	2,349,883	15,067
Beli MYR 4,589,500				
Jual USD 1,000,000	17.10.2024	4,589,500	4,688,456	(98,956)
Beli MYR 1,148,175				
Jual USD 250,000	6.6.2025	1,148,175	1,160,348	(12,173)
Beli MYR 2,308,950				
Jual USD 500,000	16.6.2025	2,308,950	2,319,676	(10,726)
		<u>12,702,425</u>	<u>12,873,716</u>	<u>(171,291)</u>

Keuntungan/(kerugian) bersih daripada derivatif (FVTPL)

	31.12.2024	30.6.2024
	RM	RM
Keuntungan/(kerugian) ternyata kontrak mata wang asing hadapan	585,200	(370,225)
Keuntungan/(kerugian) tidak ternyata nilai saksama kontrak mata wang asing hadapan	(93,874)	(79,847)
	<u>491,326</u>	<u>(450,072)</u>

10. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	31.12.2024	30.6.2024
	RM	RM
Pada kos:		
Bank-bank berlesen	<u>32,034,353</u>	<u>37,612,190</u>

Purata wajaran kadar pendapatan efektif ("PWKPE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	31.12.2024		30.6.2024	
	WAEIR (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)	WAEIR (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)
Bank-bank berlesen	4.10	5	3.05	1

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih daripada 90 hari (30 Jun 2024: RM tiada)

11. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	31.12.2024	30.6.2024
	RM	RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	<u>9,620,794</u>	<u>11,227,457</u>

12. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/KEPADA PNB

	31.12.2024	30.6.2024
	RM	RM
Jumlah terhutang daripada PNB:		
Penjadian unit	<u>12,555,110</u>	<u>3,885,000</u>
Jumlah terhutang kepada PNB:		
Pembatalan unit	<u>11,871,420</u>	<u>-</u>

13. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.12.2024		30.6.2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/ tarikh dilancarkan	909,000,000	918,602,588	707,800,000	714,600,897
Penjadian unit untuk:				
- Jualan	49,500,000	50,959,409	394,900,000	403,163,673
- Pengagihan	19,200,000	19,757,659	12,300,000	12,539,050
	68,700,000	70,717,068	407,200,000	415,702,723
Pembatalan unit	(172,400,000)	(178,368,605)	(206,000,000)	(211,701,032)
	(103,700,000)	(107,651,537)	201,200,000	204,001,691
Pengimbangan pengagihan bagi				
- Tempoh semasa/ tahun	-	56,698	-	654,368
- Pengagihan	-	(44,608)	-	(654,368)
Pada akhir tempoh/ tahun	805,300,000	810,963,141	909,000,000	918,602,588

14. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2024, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2024, PNB dibenarkan dan telah memegang 686,546 unit (30 Jun 2024: 778,401 unit) yang merangkumi 0.09% (30 Jun 2024: 0.09%) daripada jumlah unit yang diterbitkan.

15. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat	Nilai Urusniaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Malayan Banking Berhad*	100,375,774	30.94	-	-
Citibank Berhad	72,252,487	22.27	-	-
CIMB Bank Berhad**	46,660,734	14.38	-	-
Hong Leong Bank Berhad**	30,895,942	9.52	-	-
AmBank Islamic Berhad**	23,000,000	7.09	-	-
Hong Leong Islamic Bank Berhad**	20,229,951	6.24	-	-
J.P. Morgan Chase Bank Berhad	10,355,000	3.19	-	-
RHB Investment Bank Berhad**	5,543,100	1.71	-	-
AmBank (M) Berhad	5,378,496	1.66	-	-
United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.	5,354,629	1.65	-	-
Lain-lain	4,400,000	1.35	-	-
	324,446,113	100.00	-	-

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung dalam syarikat-syarikat di atas.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

16. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2024	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.20 kali	0.43 kali

Pusing Ganti Portfolio dikira berdasarkan nisbah antara purata jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan kepada purata NAB harian Unit Amanah.

17. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2024	Tempoh enam bulan berakhir 31.12.2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.24%	0.41%

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dikira berdasarkan nisbah antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah kepada purata NAB harian Unit Amanah.

18. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

31.12.2024	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)				
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	779,902,640	-	779,902,640
	-	779,902,640	-	779,902,640

Liabiliti derivatif melalui untung atau rugi (FVTPL)

Kontrak hadapan mata wang asing	-	265,166	-	265,166
	-	265,166	-	265,166

	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
--	--------	--------	--------	--------

30.6.2024

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	919,398,986	-	919,398,986
	-	919,398,986	-	919,398,986

Liabiliti derivatif melalui untung atau rugi (FVTPL)

Kontrak hadapan mata wang asing	-	171,291	-	171,291
	-	171,291	-	171,291

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

19. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

(i) Tunai dan persamaan tunai, deposit dengan institusi kewangan dan pendapatan belum diterima/pelbagai pemiutang

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, dan sekuriti modal bercantum ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, pada tarikh nyata kedudukan kewangan.

(iii) Derivatif

Nilai saksama bagi liabiliti derivatif yang terdiri daripada kontrak mata wang asing hadapan adalah berdasarkan pada kadar mata wang asing pada tempoh laporan yang disenaraikan oleh Bloomberg berbanding dengan kadar hadapan mata wang asing yang telah dipersetujui dengan broker.

20. LAPORAN BERSEGMEN

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

21. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 30 Jun 2024.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Julai 2024 sehingga 31 Disember 2024.

22. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

9. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat , Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru , Johor
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	

KELANTAN	
<p>Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis</i> 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</p>	<p>No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan</p> <p style="text-align: center;"><i>Ahad - Khamis</i> 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</p>
SABAH	
<p>Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah</p>	<p>TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah</p>
<p>Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah</p>	<p>Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah</p>
<p>Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah</p>	
SARAWAK	
<p>Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak</p>	<p>Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak</p>
<p>Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak</p>	<p>Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak</p>
<p>Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak</p>	<p>Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibu, Sarawak</p>

10. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

